

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

TARIKH : 7 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tindakan Kementerian kepada majikan yang tidak bayar gaji pekerja (pada hari kes) akibat kilang atau tempat kerja tutup kerana berlaku kes COVID19. Apakah tindakan atau tuntutan yang boleh diambil oleh para pekerja yang mengalami kerugian atau pemotongan gaji sedangkan mereka sihat dan bersedia untuk bekerja.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Sumber Manusia (KSM) sentiasa memainkan peranan penting dalam hal ini bagi memastikan semua pekerja dalam industri, tidak kira sektor dilindungi dan mendapat faedah-faedah minimum di bawah undang-undang perburuhan negara.

Dalam tempoh PKP dan PPN ini, tanggungjawab majikan tetap sama iaitu bertanggungjawab membayar gaji penuh sepanjang tempoh ini, melainkan terdapat persetujuan antara majikan dan pekerja untuk membuat tindakan pengurangan gaji, cuti tanpa gaji, cuti separuh gaji dan sebagainya.

KSM melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) sentiasa memantau perkembangan kes melibatkan pembayaran gaji pekerja dalam tempoh PKP atau PPN ini. Pekerja yang terkesan dengan tindakan majikan yang mengarahkan cuti tanpa gaji atau pengurangan gaji tanpa persetujuan pekerja, atau gagal membayar gaji untuk tempoh ini boleh membuat pengaduan di mana-mana Pejabat Tenaga Kerja berhampiran untuk tindakan penyiasatan dan pendengaran tuntutan di Mahkamah Buruh.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR
[CAMERON HIGHLANDS]**

TARIKH : 07.10.2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah langkah yang dilakukan oleh pihak Kementerian dalam menyelesaikan masalah pelajar-pelajar Orang Asli yang ketiadaan kemudahan dan capaian internet yang lemah untuk mereka melaksanakan kaedah Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) senantiasa berkerjasama dengan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dalam menyediakan bantuan pendidikan kepada murid-murid Orang Asli di seluruh negara. Seperti sedia maklum, majoriti masyarakat Orang Asli tinggal di kawasan pendalaman yang tidak ada capaian internet atau lemah. Bagi memastikan murid-murid Orang Asli ini tidak tertinggal dalam pelajaran walaupun mengikuti Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR), pihak Jabatan telah membuat beberapa langkah bagi membantu menangani isu ini.

Di antara langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian dalam menangani isu ini adalah melalui Kerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri dan Daerah bagi menyusun jadual penghantaran bahan-bahan pengajaran yang disediakan oleh pihak sekolah ke

SOALAN NO : 15

kawasan perkampungan Orang Asli yang tidak mempunyai liputan internet dengan menggunakan kenderaan JAKOA.

JAKOA pada peringkat daerah pula telah menyediakan kertas dan perkhidmatan mesin penyalin untuk memudahkan para guru mencetak bahan-bahan pembelajaran untuk diedarkan ke perkampungan Orang Asli. JAKOA dengan kerjasama Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Orang Asli (JPKKOA) menyediakan tempat yang bersesuaian serta mempunyai liputan capaian internet yang baik bagi memudahkan pihak guru mengajar secara atas talian.

Dengan cara ini, pihak guru boleh meneruskan proses pembelajaran dalam talian walaupun guru berada di luar perkampungan tersebut. Bagi langkah untuk jangka masa panjang, pihak JAKOA cuba mendapatkan sumbangan peranti dari anak syarikat KPLB, syarikat persendirian dan Badan Bukan Kerajaan (NGO). Langkah Kerajaan juga disambut baik dalam penambahbaikan komunikasi digital negara di bawah Rancangan Malaysia ke -12 (2021-2025) dengan pelaksanaan pelan tindakan Jalinan Digital Negara (JENDELA), diharap akan merangkumi kawasan-kawasan perkampungan Orang Asli di seluruh negara agar capaian liputan perkhidmatan jalur lebar menyeluruh dan berkualiti tinggi.

Selain daripada itu, hebahan informasi dan galakan penyertaan murid-murid Orang Asli bagi mengikuti proses pembelajaran melalui TV Pendidikan.

Walaupun dalam keadaan pandemik dan PKP, pelajar Orang Asli berjaya mengatasi isu ini dengan dibuktikan pada tahun 2020, seramai 106 pelajar yang menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Orang Asli telah berjaya mendapat keputusan cemerlang 4A ke atas. Dari jumlah tersebut seorang telah mendapat keputusan 10A, manakala dua orang mendapat keputusan 9A. Bagi peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) seramai 35 orang pelajar yang mendapat keputusan Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) 2.84 ke atas termasuk 3 orang mendapat keputusan PNGK 4.0.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN MESYUARAT DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR]

TARIKH : 7 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan hala tuju dan jumlah kerugian yang dialami oleh Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) sejak ianya ditubuhkan pada Julai 2011. Berapa jumlah kewangan yang telah disalurkan kepada Perbadanan PR1MA untuk menampung operasi projek PR1MA ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) ditubuhkan pada 1 Januari 2013, di bawah Akta PR1MA 2012 untuk merancang, membangun, membina dan menawarkan kediaman pada harga yang berpatutan serta berkualiti tinggi berkonsepkan gaya hidup moden bagi rakyat Malaysia yang berpendapatan isi rumah pertengahan (M40) antara RM2,500 hingga RM15,000 sebulan.

Sejak dari awal penubuhan, PR1MA telah menerima bantuan peruntukan pembangunan sebanyak RM5.1 bilion secara berperingkat daripada kerajaan untuk tujuan pembangunan projek-projek PR1MA. Bermula tahun 2019, PR1MA telah menjalankan transformasi holistik bagi menangani isu-isu aliran tunai kewangan, penyediaan perumahan serta memastikan kelestarian operasi Perbadanan. Di bawah pelan

transformasi ini, PR1MA telah melalui proses rasionalisasi projek untuk mengkaji semula semua projek dengan memastikan hanya projek-projek yang berdaya maju dengan model perniagaan yang lebih berkesan diteruskan.

Daripada 94 projek yang telah dikaji, 62 projek kini telah diteruskan dan akan menyediakan 52,763 unit rumah mampu milik di seluruh negara. Pelan rasionalisasi projek ini berjaya mengurangkan beban kewangan PR1MA daripada RM23.3 bilion kepada RM14.1 bilion. Sehingga Ogos 2021, sebanyak 31 daripada 62 projek tersebut yang merangkumi 23,382 unit telah siap dibina.

Bagi memastikan kesinambungan operasi projek, PR1MA telah mengambil pinjaman melalui Jaminan Kerajaan berjumlah RM5.0 bilion untuk melaksanakan projek-projek pembangunan di bawah pelan perancangan yang terkini.

Projek-projek PR1MA turut dibiayai melalui hasil jualan unit-unit rumah PR1MA yang semakin rancak dan memberangsangkan. Sejak daripada penubuhan PR1MA, sebanyak 32,825 unit rumah telah dijual dengan nilai pembangunan kasar (GDV) bernilai RM7.55 bilion. Bagi tahun 2021, PR1MA telah menjual sebanyak 3,498 unit rumah dengan GDV sebanyak RM0.73 bilion setakat 3 September 2021 dan menyasarkan untuk menjual sejumlah 6,600 unit rumah dengan GDV sebanyak RM1.4 bilion bagi tahun 2021. Jumlah jualan ini dapat menampung anggaran kos bagi menyiapkan projek-projek PR1MA yang sedang berjalan dan keperluan yang lain.

PR1MA kini berada dalam kedudukan asas yang kukuh (*strong fundamentals*) berikutan pelaksanaan pelan transformasi sejak tahun 2019 bagi mendukung agenda perumahan negara. PR1MA kekal komited dalam melaksanakan mandat yang telah diberikan oleh Kerajaan bagi menyediakan rumah mampu milik kepada kumpulan sasaran, M40 dengan menyiapkan 29 projek yang merangkumi 21,961 unit dalam pembinaan dan 2 projek baharu yang melibatkan 10 fasa projek dengan jumlah 7,420 unit dalam perancangan. Sekian, terima kasih.